

# KEPUASAN TERHADAP PERUMAHAN DAN IMPAK TERHADAP PERMASALAHAN SOSIAL \*

Zakiyah Jamaluddin, Sharifah Sofiah Atiqah Syed Ibrahim & Afifah Abu Yazid

## PENYATAAN MASALAH

Salah satu objektif sosial dalam pembangunan perumahan di Malaysia ialah menyediakan perumahan yang murah untuk keperluan agar rakyat Malaysia berpeluang memiliki rumah. Justeru, rumah-rumah kos rendah dibina dengan golongan sasaran ialah bagi mereka yang berpendapatan RM500.00 sebulan dan ke bawah (Malaysia, 1981). Pembinaan rumah kos rendah semata-mata tidak akan membawa makna jika penghuni tidak dapat menikmati kehidupan yang selesa. Banyak kajian menunjukkan bahawa kepuasan terhadap perumahan merupakan salah satu komponen penting yang mempengaruhi kualiti hidup (Peck dan Stewart, 1985; Husna dan Nurizan, 1987; Lawrence, 1995). Ini kerana ketidakpuasan boleh membawa kepada pelbagai implikasi, termasuklah pencemaran persekitaran, kesesakan, menjadikan kesihatan mental dan pelbagai masalah keluarga (Nurizan, 1998).

Beberapa aspek fizikal seperti ruangan dapur, bilik tidur, ruang tamu, bilik mandi dan tandas seharusnya dibina oleh pemaju, malahan saiznya juga patut dititikberatkan. Pemaju tidak wajar mewujudkan setiap ruangan tersebut dengan ala kadar sahaja kerana ia memainkan peranan penting dalam menjamin tingkat kepuasan penghuni yang seterusnya meningkatkan kualiti hidup.

Begitu juga dengan aspek persekitaran, pemaju harus menitikberatkan suasana persekitaran yang menjamin kesejahteraan sosial para penghuni. Kemudahan taman permainan kanak-kanak, tempat rekreasi, kemudahan melakukan kegiatan kebajikan dan ibadat serta ciri-ciri keselamatan di kawasan kediaman memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat. Tanpa kemudahan dan perkhidmatan tersebut, beberapa masalah sosial seperti aktiviti melepak dan mencuri boleh berleluasa. Pemaju harus mengambil kira dan menitikberatkan aspek-aspek tersebut dalam melaksanakan sesuatu projek perumahan.

Analisis yang dilakukan oleh Nurizan dan Halimah (1992) terhadap kepuasan perumahan dan defisit ruang mendapati bahawa defisit ruang yang paling teruk dialami oleh responden ialah bilik tidur (80%) dan ini berkait dengan saiz keluarga yang besar, iaitu dengan purata enam orang. Penghuni yang tinggal di rumah teres didapati mendapat kepuasan yang lebih berbanding dengan yang tinggal di rumah pangsa disebabkan saiz yang lebih luas.

Kajian kepada seni bina berunsurkan Islam secara lebih menyeluruh dari pengalaman negara-negara Islam di Timur Tengah dan Asia Barat mendapati bahawa wujud beberapa ciri yang sama di antara negara-negara seperti Iran, Iraq, Bosnia, Moroco, Tunisia, Mesir, Rajasthan, Afrika Utara dan lain-lain yang amat mengutamakan soal '*privacy*' untuk ahli keluarga mereka dan soal-soal pengasingan di antara lelaki dan perempuan di dalam rekabentuk kediaman. Di samping itu, penekanan kepada kawasan halaman yang tertutup dan redup serta pembinaan kolam atau pancutan untuk tujuan menstabilkan suhu dan cuaca.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijelaskan sebelum ini, didapati keadaan fizikal dan persekitaran rumah memberi kesan terhadap ketidakpuasan penghuni. Oleh itu, kajian ini cuba untuk memaparkan tingkat kepuasan yang dialami oleh penghuni di salah sebuah taman perumahan di Jitra, Kedah yang dimajukan oleh pihak swasta.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengupas beberapa persoalan utama, iaitu melihat tingkat kepuasan penghuni terhadap rumah yang diduduki, iaitu ciri-ciri fizikal seperti saiz bilik, saiz dapur, struktur perumahan dan reka bentuk rumah di samping melihat tingkat kepuasan penghuni terhadap persekitaran termasuklah hubungan kejiran, rekreasi dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak pemaju.

Seterusnya, pengkaji melihat beberapa aspek ketidakpuasan ini boleh membawa kepada permasalahan sosial jika ia tidak diatasi. Ini kerana majoriti daripada responden mempunyai anak yang masih kecil dan akan meningkat remaja di suatu masa kelak.

## **METODOLOGI**

Seramai 90 responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Ini kerana hanya sebahagian kecil yang mendiami rumah kos rendah di kawasan taman perumahan Taman Bersatu, Jitra, Kedah. Daripada 268 unit rumah yang dibina, hanya 167 rumah yang didiami.

Daripada jumlah tersebut, hanya 90 buah rumah yang dipilih sebagai sampel kajian, iaitu bagi penghuni yang telah tinggal lebih dari lima bulan dari tarikh diduduki bagi menguji tingkat kepuasan mereka.

Perisian “*Statistical Package for the Social Science*” (SPSS) digunakan untuk menganalisis data-data yang terkumpul. Analisis statistik yang digunakan ialah analisis statistik deskriptif. Keputusan analisis ditunjukkan dalam jadual mengikut kekerapan dan peratusan serta jadual silang (cross-tab). Bentuk kaedah statistik inferensi hanya digunakan bagi item-item yang memerlukan pengkaji melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara peratusan puas hati dan tidak puas hati. Contohnya, bagi item mengenai ruang dapur, 17.8% responden puas hati, manakala 82.2% responden tidak puas hati. Statistik Chi-Square digunakan untuk melihat perkaitan antara item ini sama ada ia mempunyai perkaitan yang signifikan atau tidak. Aras perkaitan yang diambil kira ialah pada tahap 0.05.

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar belakang responden**

Daripada seramai 90 responden yang menjadi sampel kajian, kaum Melayu merupakan 75.6% dan selebihnya ialah kaum Cina (12.2%), India (8.9%), dan Siam (3.3%). Ini kerana sebilangan besar penghuni yang tinggal di Taman Bersatu adalah kaum Melayu. Kebanyakan responden (93.3%) menduduki rumah mereka dalam jangkamasa antara lima bulan ke tiga tahun. Hanya segelintir sahaja (6.7%) yang telah menduduki rumah antara empat hingga enam tahun. Sementara 65.6% adalah pemilik rumah dan 34.4% adalah penyewa.

### **Jumlah isi rumah**

Bagi isi rumah yang terdiri daripada di antara 7 - 9 orang (12.2%), mereka terpaksa memilih untuk tinggal di Taman Bersatu disebabkan harga rumah yang murah dan mampu dimiliki oleh mereka berbanding dengan perumahan kos sederhana dan mewah. Selain itu, rumah yang mempunyai bilangan 1 hingga 3 orang penghuni meliputi 32.2% responden. Jumlah ini agak besar disebabkan kebanyakannya adalah keluarga yang baru mendirikan rumah tangga dan hanya mempunyai seorang anak (*Jadual 1*). *Jadual 2* pula memaparkan jumlah isi rumah yang bekerja dan bersekolah.

Kajian ini mendapati bilangan kanak-kanak yang tidak bersekolah adalah tinggi disebabkan kebanyakannya masih di bawah peringkat umur 6 tahun. Oleh yang demikian, jika dikaji

**Jadual 1**  
**Jumlah Isi Rumah**

Bilangan isi rumah	Bilangan	Peratus
1-3	29	32.2
4-6	50	55.6
7-9	11	12.2
Jumlah	90	100.00

**Jadual 2**  
**Isi Rumah Yang Bersekolah Dan Bekerja**

Bilangan	Isi rumah yang bersekolah (%)	Isi rumah yang bekerja (%)
Tiada	47.8	3.3
1	24.4	52.2
2	14.4	36.7
3	6.7	5.6
4 dan keatas	6.7	2.2
Jumlah	100.00	10.000

N=90

dari segi kekerapan mengulangkaji pelajaran, sebahagian besarnya (47.8%) tiada kaitan disebabkan faktor yang disebutkan di atas. Kebanyakan anak-anak responden yang bersekolah pula mengulang kaji pelajaran di bilik tidur (20.0%), ruang tamu/ruang rehat (23.3%) dan ruang makan (3.3%).

### Tempat anak bermain

Walaupun pihak pemaju ada menyediakan kemudahan taman permainan kanak-kanak, namun ia hanya menjadi tumpuan 26.7% kanak-kanak sahaja. Ini kerana taman permainan yang terdapat di kawasan perumahan kos rendah Taman Bersatu ini adalah tidak terurus dan tidak diperbaiki. Banyak kemudahan permainan yang terdapat di taman tersebut seperti buaian, jongkang-jongkit dan papan gelunsur telah rosak dan tidak ada usaha oleh pihak-pihak tertentu untuk memperbaikinya. Di samping itu, taman permainan ini juga penuh dengan lalang-lalang dan rumput yang terbiar yang sekaligus memburukkan lagi keadaan taman permainan di Taman Bersatu.

**Jadual 3**  
**Tempat Anak Bermain**

<b>Tempat</b>	<b>Ya</b>		<b>Tidak</b>		<b>Tidak berkaitan</b>	
	<b>Bil</b>	<b>%</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>
Di sekeliling rumah	47	52.2	29	32.2	14	15.6
Di dalam rumah	25	27.8	51	56.7	14	15.6
Taman Permainan	24	26.7	52	57.8	14	15.6

\* lebih daripada satu jawapan

### **Tingkat kepuasan terhadap rumah yang diduduki kini**

Tingkat kepuasan responden boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu keadaan fizikal rumah tersebut dan keadaan persekitaran rumah. Dari segi keadaan fizikal rumah, didapati bahawa kadar ketidakpuasan adalah tinggi bagi saiz ruang dapur (82.2%), kualiti bahan binaan (74.4%) serta keadaan jalan, parit dan longkang (74.4%). Manakala mereka yang tidak berpuas hati dengan struktur dalaman rumah mencatat 48.9%, saiz bilik tidur utama (32.3%), jumlah bilik tidur (24.4%), saiz ruang rehat/tamu (20.1%) dan keluasan halaman rumah (28.9%).

Perasaan tidak puas hati terhadap saiz ruang dapur timbul kerana sebenarnya pemaju langsung tidak menyediakan ruangan untuk dapur. Ruang untuk dapur dan ruang makan diwujudkan bersama-sama ruang tamu tanpa adanya sekatan. Sinki untuk membasuh pinggan mangkuk juga diletakkan di ruang tersebut. Satu cara yang digunakan oleh responden ialah dengan mewujudkan *partition*, meletakkan almari atau perabot di ruang tamu untuk dijadikan kawasan dapur. Majoriti responden (68.9%) memilih kaedah kedua iaitu dengan menjadikan bilik hujung (no.3) untuk dijadikan dapur. Keadaan ini biasanya wujud bagi penghuni yang mempunyai keluarga yang sedikit atau yang mempunyai isirumah lelaki yang ramai agar anak lelaki yang remaja boleh tidur di ruang tamu. Cara ketiga ialah dengan mengubahsuai bahagian belakang rumah dengan menambah atau membina bahagian belakang untuk dijadikan dapur.

Adalah didapati sebahagian kecil (22.2%) isirumah tidur di ruang tamu, biasanya bagi anak atau adik lelaki. Faktor yang menyebabkan ramai ahli rumah yang tidur di ruang tamu ialah disebabkan bilangan isi rumah yang ramai dan bilangan bilik yang tidak dapat menampung jumlah penghuni.

### **Tingkat kepuasan terhadap persekitaran perumahan**

Secara keseluruhannya sebahagian besar penduduk di taman ini berpuas hati terhadap keadaan persekitaran di seluruh kawasan ini. Walau bagaimanapun, kadar ketidak puasan

hati adalah tinggi bagi kemudahan taman permainan kanak-kanak (58.9%), kemudahan telefon awam (92.2%) dan perkhidmatan mengutip sampah (66.7%).

Ini kerana keadaan taman permainan kanak-kanak yang tidak terjaga dan dipenuhi dengan lalang serta banyak alat permainan iaitu buaian, jongkang-jongkit dan papan gelunsur yang rosak. Taman ini juga dipenuhi dengan najis binatang seperti najis lembu, di samping terdapat kaca, botol dan kayu yang mungkin mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak yang bermain di situ.

Terdapat hanya sebuah telefon awam yang terletak berhampiran dengan sebuah rumah kampung di jalan masuk menuju ke Taman Bersatu. Ini mungkin menimbulkan kesulitan kepada para penghuni jika ingin menggunakan kemudahan tersebut di saat kecemasan. Namun demikian, hampir keseluruhan responden mempunyai kemudahan telefon di rumah masing-masing.

Responden juga tidak berpuas hati dengan perkhidmatan mengutip sampah kerana banyak sampah yang bertaburan di atas jalan. Kemudahan perkhidmatan mengutip sampah yang dilakukan oleh pihak Majlis Daerah Kubang Pasu hanya dilakukan seminggu sekali, ini menyebabkan bau busuk kerana sampah tersebut dibiarkan begitu sahaja sehingga berulat dan dihinggapi oleh lalat.

### **Perbezaan antara bangsa dengan tingkat kepuasan terhadap jumlah bilik tidur**

Kajian ini menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $p<0.05$ ) di antara faktor bangsa dengan tingkat kepuasan terhadap jumlah bilik tidur. Ini menunjukkan semua bangsa terutamanya yang bukan Melayu menunjukkan tahap puas hati yang tinggi terhadap jumlah bilik tidur yang disediakan oleh pemaju. Ini mungkin disebabkan kebanyakan daripada mereka mempunyai jumlah isirumah yang sedikit dan mempunyai anak-anak yang masih kecil.

### **Perbezaan di antara bilangan isi rumah dengan tingkat kepuasan terhadap keadaan taman permainan kanak-kanak**

Terdapat hubungan yang signifikan ( $p<0.05$ ) di antara bilangan isi rumah dengan tingkat kepuasan terhadap keadaan taman permainan kanak-kanak. Tahap ketidakpuasan adalah tinggi bagi setiap kategori bilangan isirumah. Ini bermakna semakin besar saiz isi rumah maka semakin meningkat keinginan untuk mendapatkan taman permainan kanak-kanak yang berkeadaan baik.

**Jadual 4**  
**Bangsa Dengan Tingkat Kepuasan Terhadap Jumlah Bilik Tidur**

<b>Bangsa</b>	<b>Tingkat kepuasaan terhadap jumlah bilik tidur</b>			
	<b>Tidak menjawab</b>	<b>Puas hati</b>	<b>Tidak puas</b>	<b>Jumlah</b>
Melayu	1 (1.5%)	48 (70.6%)	19 (27.9%)	68 (100.0%)
Cina		10 (90.9%)	1 (9.1%)	11 (100.0%)
India		7 (87.5%)	1 (12.5%)	8 (100.0%)
Siam		2 (66.7%)	1 (33.3%)	3 (100.0%)
Jumlah	1 (1.1%)	67 (74.4%)	1 (24.4%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 18.593, df=3, Asymp.Sig. =0.000

**Jadual 5**  
**Bilangan Isi Rumah Dengan Tingkat Kepuasan Terhadap Keadaan Taman Permainan Kanak-Kanak**

<b>Bilangan isi rumah</b>	<b>Tingkat kepuasaan terhadap keadaan taman permainan kanak-kanak</b>			
	<b>Tidak menjawab</b>	<b>Puas hati</b>	<b>Tidak puas</b>	<b>Jumlah</b>
1 - 3	9 (31.0%)	6 (20.7%)	14 (48.3%)	29 (100.00%)
4 - 6	3 (6.0%)	15 (30.0%)	32 (64.0%)	50 (100.00%)
7 - 9	1 (9.1%)	3 (27.3%)	7 (63.6%)	11 (100.0%)
Jumlah	13 (14.4%)	24 (26.7%)	53 (58.9%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 9.629, df=4, Asymp.Sig. =0.047

**Perbezaan antara jumlah pendapatan seluruh isi rumah (termasuk ketua isi rumah) dengan tingkat kepuasan terhadap jumlah bilik tidur**

Terdapat hubungan yang signifikan ( $p<0.05$ ) di antara jumlah pendapatan dengan tingkat kepuasan terhadap jumlah bilik tidur. Tahap puas hati yang tinggi didapati terutamanya bagi responden yang berpendapatan RM500 dan ke bawah, berbanding dengan mereka yang berpendapatan melebihi RM500. Mereka yang berpendapatan rendah biasanya tidak mampu untuk melakukan sebarang pengubahsuaian disebabkan masalah kewangan, justeru itu mereka menerima keadaan yang sedia ada tanpa sebarang bantahan.

**Jadual 6**  
**Jumlah Pendapatan Seluruh Isi Rumah (Termasuk Ketua Isi Rumah)**  
**Dengan Tingkat Kepuasan Terhadap Jumlah Bilik Tidur**

Jumlah pendapatan seluruh isi rumah (termasuk ketua isi rumah)	Tingkat kepuasaan terhadap jumlah bilik tidur			
	Tidak menjawab	Puas hati	Tidak puas	Jumlah
RM500 ke bawah		14 (82.4%)	3 (17.6%)	17 (100.0%)
RM501- RM1000		28 (75.7%)	9 (24.3%)	37 (100.0%)
RM1001 - RM1500		13 (72.7%)	5 (27.8%)	18 (100.0%)
RM1501 keatas	1 (14.3%)	12 (66.7%)	5 (24.4%)	18 (100.0%)
Jumlah	1 (1.1%)	67 (74.4%)	22 (24.4%)	90 (100.0%)

Pearson Chi-Square Value = 9.629, df=4, Asymp.Sig. =0.047

## PERBINCANGAN

### Saiz ruangan

Ketiadaan ruangan dapur yang khusus telah menyebabkan timbulnya beberapa masalah misalnya apabila responden ingin mengadakan kenduri/keraian. Ia juga menyebabkan ruang tamu menjadi lebih sempit dan menimbulkan kesesakan di dalam rumah. Jika responden mempunyai bilangan anak yang ramai, sudah pasti hal ini akan menimbulkan masalah apabila bilik ketiga dijadikan dapur. Ada pula di kalangan anak-anak responden yang terpaksa tidur di ruang tamu akibat ketiadaan bilik kerana bilik ketiga telah dijadikan dapur.

Akibatnya ruang tamu akan menjadi tempat tidur, ruang makan, dapur, ruang untuk bersantai bersama keluarga serta tempat untuk anak-anak belajar. Kebanyakan aktiviti keluarga seperti menonton televisyen, berbual dan menjamu selera dijalankan di ruang tamu. Namun, apabila semua aktiviti dijalankan di ruang ini, maka sudah pasti akan wujud masalah penyesuaian dan perasaan tidak puas hati.

Keadaan kesesakan ini boleh mempengaruhi kesihatan mental sesebuah keluarga. Anak-anak yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan kesesakan ini biasanya akan mencari alternatif lain dengan berada di luar rumah dan inilah yang merupakan antara punca timbulnya masalah lepak di kalangan remaja, lari dari rumah atau mencari hiburan di luar rumah. Kajian Ahmad Nurulazam dan Mustapa (1995) serta Iran Herman (1995) menunjukkan remaja melepak kerana keadaan di rumah yang terlalu ramai untuk menenangkan fikiran, keadaan di rumah yang sempit dan ketiadaan '*privacy*' di rumah.

Amat wajarlah bagi pemaju untuk menyediakan sebuah ruangan dapur yang khusus agar masalah ruang dapat diatasi dan mengurangkan atau menjauhkan daripada timbulnya masalah sosial kepada penghuni rumah kos rendah.

Antara faktor yang menyebabkan ketidakselesaan ialah tiadanya ruangan yang khusus untuk ahli keluarga penghuni antara yang lelaki dan perempuan, serta tiada pembahagian ruang antara penghuni dan tetamu. Melihat kepada rekabentuk dalaman rumah kos rendah di kawasan kajian, ruang tamu dan dapur tidak dipisahkan dan tiada pembahagian bilik tidur yang khusus untuk mengasingkan anak lelaki dan anak perempuan. Pengasingan bilik tidur antara dua jantina anak-anak amat diutamakan di dalam ajaran Islam terutama bagi kanak-kanak yang sudah *mumayyiz* (mampu berfikir) (Siti Zalikhah, 1996). Amalan ini adalah tuntutan Islam sebagaimana yang diutarakan oleh sebuah hadis Nabi Muhammad S.A.W. yang diriwayatkan oleh al-Hakin dan Abu Daud yang bermaksud:

*"Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang apabila usia mereka tujuh tahun dan pukullah mereka jika mereka meninggalkan sembahyang apabila usia mereka mencapai sepuluh tahun dan pisahkanlah di antara mereka tempat tidur mereka".*

Pemisahan tempat tidur yang dimaksudkan ini adalah di antara ibu bapa dan anak-anak dan juga di antara anak lelaki dan perempuan. Hal ini amat dititikberatkan dalam Islam demi menjaga akhlak dan mendidik hawa nafsu mereka ke jalan yang direhui Allah. Dalam usia *murahik* (belasan tahun) percampuran anak lelaki dan perempuan di dalam satu tempat tidur dikhuatiri akan merangsang nafsu jantina mereka apabila terpandang aurat antara mereka, sama ada secara sedar atau tidak dan semua ini akan menjurus kepada kerosakan akhlak serta keruntuhan moral yang natijahnya amat sukar dibendung (Abdullah, 1988).

Walaupun pada pandangan kasar pemaju menyediakan tiga buah bilik, tetapi sebenarnya tiada ruangan dapur disediakan. Penghuni yang tidak mahu mengurangkan saiz ruang tamunya telah memilih bilik belakang sebagai ruang dapur. Ini secara tidak langsung telah mengurangkan jumlah bilik tidur yang sebenar. Jika bilik yang ketiga dijadikan dapur, maka bilangan bilik tidur yang ada hanyalah dua buah. Sebuah untuk bilik tidur ibubapa, dan sebuah lagi untuk anak perempuan. Jelas daripada jawapan responden, anak-anak lelaki terpaksa disuruh tidur diruang tamu.

Selain itu, keselesaan sesebuah rumah juga membawa maksud kemudahan untuk menerima tetamu dan kesediaan untuk menerima mereka dengan mesra dan murahati (Siti Zalikhah, 1996). Ruang tamu yang sempit di kawasan perumahan ini tidak mampu mengasingkan kaum wanita dan lelaki apabila mereka melayan tetamu. Pada hakikatnya, rekabentuk sebuah rumah tradisional Melayu amat kuat dipengaruhi oleh

faktor sosial dan agama. Tetamu lelaki yang berkunjung akan menduduki ruang serambi manakala kaum wanita berkumpul di ibu rumah (Zulkifli, 1985).

Pada kebiasaan dalam senibina sesebuah rumah moden, ciri-ciri ini dikekalkan di mana serambi rumah dikenali sebagai ruang tamu, manakala ibu rumah adalah ruang keluarga. Kekurangan ini jelas terdapat pada reka bentuk rumah kos rendah di mana ruang tamu tidak dipisahkan dengan ruang makan atau ruang keluarga. Malah pada ketika yang sama, jika rumah mereka dikunjungi tetamu anak-anak harus berada di dalam bilik ataupun mereka terpaksa keluar merayau-rayau. Mungkin inilah salah satu faktor kenapa remaja belasan tahun kerap didapati melepak ketempat-tempat yang tidak sewajarnya demi mencari ketenangan. Jika perkara ini ini sering berlaku pastilah mengundang rasa ketidakselesaan dan kemesraan di antara tetamu dan tuan rumah sedangkan tujuan ziarah-menziarahi di antara masyarakat Islam adalah untuk mengeratkan perhubungan dan persaudaraan, sedangkan pada waktu yang sama hubungan di antara ahli keluarga itu sendiri semakin renggang.

### **Kemudahan taman permainan kanak-kanak**

Kemudahan taman permainan kanak-kanak di kawasan perumahan ini adalah sangat tidak memuaskan. Kemudahan ini dikira penting kerana kebanyakan responden mempunyai anak yang masih kecil dan mereka memerlukan tempat untuk bermain dan riadah. Agak mendukacitakan apabila kebanyakan alat permainan di taman permainan ini yang rosak dan tidak terjaga.

Taman ini juga dipenuhi dengan lalang dan rumput yang panjang, najis-najis binatang seperti najis kambing dan lembu serta botol dan kaca. Keadaan ini boleh mendatangkan ketidakselesaan kepada kanak-kanak serta menimbulkan bahaya kepada mereka. Akibatnya, mereka lebih gemar bermain di tepi jalan di halaman rumah masing-masing kerana tidak dapat menggunakan kemudahan taman permainan ini. Walau bagaimanapun, keadaan ini pula boleh menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada bahaya yang datang dari kenderaan yang melalui jalan tersebut.

Pemaju seharusnya memainkan peranan mereka dalam menyediakan sebuah taman permainan yang lengkap dan selamat untuk digunakan oleh kanak-kanak. Jika tidak, pemaju akan digambarkan sebagai hanya menyediakan kemudahan tersebut dengan ala kadar sahaja dan bukannya bertujuan untuk membina sahsiah kanak-kanak.

Untuk mengalihkan pandangan kepada permainan '*in door*' seperti permainan berkomputer dan seumpamanya, sememangnya tidak mampu diadakan oleh ibu-bapa kanak-kanak di kawasan ini memandangkan pendapatan hidup mereka yang

sangat rendah. Seharusnya, jawatankuasa taman perumahan ini memikirkan sesuatu sebagai alternatif kepada anak-anak mereka seumpama menyediakan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAK) dalam kawasan penempatan mereka bagi mengawal dan menjamin aktiviti dan hubungan sosial yang sihat di kalangan anak-anak mereka.

## KESIMPULAN

Isu kekurangan ruang ini jika dilihat dari aspek fizikal dan psikososial, boleh memberi kesan yang mendalam dari segi keperluan ruang sebagai keperluan asasi dan sekaligus mempengaruhi kualiti hidup penghuni. Kemudahan taman permainan kanak-kanak pula jika tidak dijaga dengan rapi, boleh mendorong bahaya kepada kanak-kanak. Mereka juga tidak mempunyai tempat rekreasi yang lain bagi tujuan riadah di kawasan perumahan ini.

Kajian ini juga memaparkan bahawa kebanyakan responden telah melakukan pengubahsuaian terhadap ruang dapur, ruang tamu serta bilik mandi dan tandas. Keadaan ini adalah selaras dengan bertambahnya bilangan ahli keluarga dan meningkatnya pendapatan isi rumah. Kemampuan inilah yang mempengaruhi responden untuk mengubahsuai rumah mereka.

Bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk membuat pengubahsuaian rumah, pemaju perumahan seharusnya memikirkan tentang keperluan penghuni tersebut. Jika tidak, ini menggambarkan pemaju seolah-olah memaksa penghuni berpendapatan rendah menyesuaikan diri dengan saiz rumah yang dibekalkan.

## CADANGAN

Hasil dari keseluruhan kajian dan pemerhatian ke atas tingkat kepuasan penghuni rumah kos rendah di Taman Bersatu, maka adalah penting untuk melakukan beberapa tindakan dan perubahan bagi kesan jangka panjang terhadap pihak-pihak yang berkenaan iaitu pemaju, penghuni dan pihak kerajaan sendiri. Sehubungan dengan itu beberapa cadangan perlu dikemukakan.

1. Menggunakan atau Penilaian Impak (*Sosial Social Impact Assesment - SIA*) dalam kerangka awal iaitu fasa perancangan pembinaan rumah-rumah kos rendah swasta. Pihak kerajaan bersama-sama pihak pemaju perlu mengambil kira manfaat sosial dan cuba mengelak sedaya mungkin masalah yang akan timbul kesan dari pemilihan tapak pembinaan, pelan struktur rumah, kuota pembeli

dan seumpamanya ke atas penghuni dan masyarakat sekeliling. Ini kerana kajian ini dan beberapa kajian sebelumnya mendapati pelbagai implikasi sosial boleh berlaku akibat ketidakpuasan terhadap ciri fizikal dan keadaan persekitaran perumahan.

2. Perlunya diwujudkan Akta Penghuni. Akta ini perlu digariskan bersama-sama dengan Akta Pemaju yang akan dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan tidak lama lagi. Peraturan ini adalah bagi menjamin hak pengguna agar tidak ditipu dan diambil kesempatan oleh pihak pemaju perumahan apabila melakukan apa-apa penyelewengan. Hakikat ini amat penting kerana suara penghuni khususnya di rumah-rumah kos rendah sering tidak dipedulikan lantaran kedudukan mereka dan kepentingan pemaju.
3. Peranan Kerajaan Negeri. Pihak kerajaan harus menyedari bahawa penyerahan sebahagian tugas pembinaan rumah kos rendah kepada sektor swasta adalah untuk tujuan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kadar kemiskinan. Oleh itu, pihak kerajaan mestilah mengawal dan memerhatikan perlaksanaannya dari peringkat awal sewaktu kelulusan dikeluarkan kepada pihak swasta hinggaalah siap rumah dibina agar menepati peraturan yang telah ditetapkan. Pihak Kerajaan Negeri haruslah bersikap tegas dan telus ke atas pemaju apabila syarat-syarat tidak dipatuhi agar kebajikan dan hak pembeli terjamin.

Kesedaran dan kerjasama dari semua pihak amat penting bagi memastikan Dasar Perumahan Negara dapat dicapai semaksimum mungkin dan hak semua rakyat tidak dinafikan. Peningkatan dalam mutu pembinaan dan kualiti pentadbiran pihak kerajaan dipercayai akan dapat meningkatkan tahap kepuasan penghuni rumah kos rendah di seluruh negara.

Di samping itu, pembinaan rumah kos rendah hendaklah dibuat bukan sekadar untuk memenuhi permintaan dan kuota pembeli, apa yang lebih utama ialah ia merupakan satu tanggungjawab sosial pemaju dan kerajaan terhadap rakyat. Pembinaan rumah yang berkualiti dan selesa dapat menghindarkan atau sekurang-kurangnya mengurangkan berlakunya permasalahan sosial.

## **NOTA AKHIR**

\*Telah diterbitkan secara edaran dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 2000, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih Ulwan (1993). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam* (Jilid 2). Terjemahan Syed Ahmad Semait, Pustaka Nasional Pte. Ltd., Singapura.
- Ahmad Nurulazam Md Zain & Mustapha Kasim (1995). Lepak di Kalangan Pelajar-Kajian di Negeri Perak dan Pulau Pinang, dalam Mahmood Nazar Mohamed dan Sabitha Marican (Penyelenggara) *Prosiding Kertas Kerja Gejala Sosial*, Seminar Kebangsaan Gejala Sosial, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia : 85-99.
- Husna Sulaiman & Nurizan Yahya (1987). Housing provision and satisfaction of low income households in Kuala Lumpur, *Habitat International*, 13(4): 63-69.
- Iran Herman (1995). Tingkahlaku Lepak Remaja Luar Bandar: Strategi Menangani Masalah, dalam Mahmood Nazar Mohamed dan Sabitha Marican (Penyelenggara) *Prosiding Kertas Kerja Gejala Sosial*, Seminar Kebangsaan Gejala Sosial, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia : 137-148.
- Lawrence, R.J. (1995). Housing quality: An agenda for research, *Urban Studies*, 32 (11): 1155-1664.
- Malaysia (1981). *Rancangan Malaysia Keempat*, 1981-1985, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Kerajaan.
- Malaysia (1986). *Rancangan Malaysia Kelima*, 1986-1990, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Kerajaan.
- Malaysia (1991). *Rancangan Malaysia Keenam*, 1991-1995, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia (1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh*, 1996-2000, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Nurizan Yahya (1998). Kualiti perumahan dan kualiti hidup, *ANALISIS*, 5 (1&2) : 133-149.
- Nurizan Yahya dan Halimah Ahmad (1993). Kepuasan dan defisit perumahan di rumah kos rendah semenanjung Malaysia, *Manusia dan Masyarakat*, 7:3-20.

Peck, C., & Stewart, K.K. (1985). Satisfaction with housing and quality of live, *Home Economic Research Journal*, 13 (4) : 363-372.

Siti Zalikhah Md Nor (1996). *Kaunseling Perkahwinan Menurut Perspektif Islam*. Selangor: Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam.

Zulkifli Hanapi (1985). *Kompendium Sejarah Senibina Timur*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.